

PEMBANGUNAN MINUMAN HERBA DUKUNG ANAK (*Phyllanthus niruri* Linn.)


FOO SOO LING

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
MAKANAN DENGAN KEPUJIAN DALAM TEKNOLOGI MAKANAN DAN
BIOPROSES**

**SEKOLAH SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU**

2006



BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

UDUL: PEMBANGUNAN MINUMAN HERBA DUKUNG ANAK
(*Phyllanthus niruri* Linn.)

JAZAH: SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (TEKNOLOGI MAKANAN DAN
BIOPEMPROSESAN)

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya FOO SOO LING
(HURUF BESAR)

nengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 26, JLN RUMBIA 37,
TMN DAYA,
81100 J. BAHRU, JOHOR.

Nama Penyelia

Tarikh: 16 MEI 2006Tarikh: 16/5/06


ATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

- * Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organsasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 MEI 2006



(FOO SOO LING)

NO. MATRIK: HN2003-2527



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERAKUAN PEMERIKSA**DIPERAKUKAN OLEH****TANDATANGAN**

Tandatangan

1. PENYELIA

(EN. MANSOOR ABDUL HAMID)



2. PEMERIKSA – 1

(PROF. MADYA DR. MOHD. ISMAIL ABDULLAH)



3. PEMERIKSA – 2

(DR. CHYE FOOK YEE)



4. Dekan

(PROF. MADYA DR. MOHD. ISMAIL ABDULLAH)

**UMS**
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Tanpa terlepasnya peluang ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak yang telah banyak memberi sokongan, dorongan dan nasihat sepanjang penyelidikan ini. Terlebih dahulu, penghargaan yang tidak terhingga saya rakamkan kepada Encik Mansoor Abdul Hamid, selaku penyelia penyelidikan bagi projek ini di atas segala bimbingan, sokongan, bantuan, panduan, teguran dan nasihat yang membina kepada saya sepanjang projek penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih ingin saya ucapkan kepada Dekan Sekolah Sains Makanan Dan Pemakanan, Prof. Madya Dr. Mohd. Ismail Abdullah serta semua pensyarah Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan yang telah mencerahkan segala pengalaman dan bimbingan sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Tidak akan lupa juga, penghargaan buat pembantu-pembantu makmal Sekolah Sains Makanan Dan Pemakanan yang sudi mencerahkan tenaga, masa dan pengalaman beliau dalam menyempurnakan projek penyelidikan saya di makmal.

Terima kasih juga kepada pihak MARDI, Serdang yang memberi bantuan pada permulaan kajian ini dan pihak Stevian Biotechnology Sdn. Bhd. yang menaja pemanis Sweta yang digunakan dalam kajian serta informasi yang diberikan. Ribuan terima kasih juga kepada semua rakan seperjuangan dan individu-individu lain atas galakan dan pertolongan yang dihulurkan sama ada secara langsung maupun tidak langsung kepada saya dari mula hingga akhir penyelidikan. Tanpa bantuan mereka, mustahil buat diri saya untuk menyiapkan tesis ini.



Buat ibu bapa dan keluarga tersayang, terutama nenek yang telah meninggal dunia sebelum kajian ini sempat selesai, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kerana kasih sayang, bimbingan, dorongan dan sokongan yang diberikan tanpa mengenal erti lelah kepada saya. Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyempurnaan projek penyelidikan.

Ikhlas dari,

FOO SOO LING

HN 2003-2527



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan minuman herba dukung anak (*Phyllanthus niruri*) melalui formulasi terbaik, berdasarkan penilaian deria, penentuan ciri-ciri fizikokimia, analisis proksimat, mutu simpanan dan kos bahan mentah. Reka bentuk faktorial digunakan dan sebanyak 18 formulasi dibangunkan dengan menggunakan pemanis gula atau Sweta; nisbah ekstrak herba dan pemanis yang berbeza. Ujian sensori menunjukkan formulasi 5 dan formulasi 14 merupakan formulasi terbaik yang masing-masing menggunakan pemanis gula dan Sweta. Melalui analisis proksimat, didapati bahawa formulasi 5 terdiri daripada $90.00 \pm 0.01\%$ lembapan, $0.08 \pm 0.01\%$ abu dan $9.92 \pm 0.01\%$ karbohidrat, manakala kandungan lemak, protein dan serabut kasar tidak dapat dikesan. Ujian fizikokimia pula menunjukkan formulasi 5 mempunyai nilai pH 4.08 ± 0.01 , $7.23 \pm 0.06^\circ\text{brix}$ dan $0.16 \pm 0.01\%$ asid tertitrat. Hasil analisis proksimat formulasi 14 pula menunjukkan kandungan lembapan $99.87 \pm 0.01\%$, kandungan abu $0.07 \pm 0.01\%$ dan kandungan karbohidrat $0.02 \pm 0.01\%$, namun kandungan lemak, protein dan serabut kasar tidak dapat dikesan juga. Ujian fizikokimia bagi formulasi 14 menunjukkan nilai pH 4.07 ± 0.01 , $0.17 \pm 0.06^\circ\text{brix}$ dan $0.16 \pm 0.01\%$ asid tertitrat. Kedua-dua formulasi adalah bebas daripada pertumbuhan mikroorganisma dengan anggaran koloni kurang daripada 10 cfu/ml bagi kiraan jumlah plat dan kiraan yis dan kulat. Semua keputusan kajian mutu simpanan formulasi 5 dan formulasi 14 melalui analisis fizikokimia, ujian mikrobiologi serta ujian sensori perbandingan berganda menunjukkan tiada perubahan ketara ($p>0.05$) sepanjang 8 minggu tempoh penyimpanan kecuali jumlah kandungan polifenol dalam unit miligram GAE per gram dukung anak kering yang didapati berkurangan secara ketara ($p<0.05$), iaitu daripada 110 ± 1 kepada 109 ± 1 bagi formulasi 5 dan daripada 105 ± 1 kepada 103 ± 1 bagi formulasi 14. Formulasi 14 dipilih sebagai formulasi terbaik untuk produk akhir. Hasil kajian pengguna menunjukkan bahawa sebanyak 39% pengguna yang disoal-selidik akan membeli produk, 55% pengguna mungkin akan membeli dan 6% tidak akan membeli produk minuman herba ini. Oleh itu, produk minuman herba dukung anak dengan pemanis Sweta mempunyai potensi pemasaran yang agak baik.



**PRODUCT DEVELOPMENT OF *Phyllanthus niruri*
HERBAL DRINK**

ABSTRACT

*This research is conducted to develop *Phyllanthus niruri* herbal drink by the best formulation chosen based on sensory tests, physical and chemical determination, proximate analysis, shelf life test and raw material cost. Factorial experimental design was used to create 18 formulations with respect to different in using sugar or Sweta as sweetener, different herbal extract ratio and sweetener content. Result of sensory test showed that Formulation 5 and Formulation 14 is the most accepted formulation using sugar and Sweta sweetener respectively. Proximate analysis showed that Formulation 5 consists of $90.00 \pm 0.01\%$ moisture, $0.08 \pm 0.01\%$ ash and $9.92 \pm 0.01\%$ carbohydrate, while no fat, protein and fibre content was detected. Physical and chemical determination showed that specification of Formulation 5 was pH 4.08 ± 0.01 , $7.23 \pm 0.06^\circ$ brix and $0.16 \pm 0.01\%$ of titrated acidity. As for Formulation 14, proximate analysis showed $99.87 \pm 0.01\%$ moisture content, $0.07 \pm 0.01\%$ ash and $0.02 \pm 0.01\%$ carbohydrate, while fat, protein and fibre content was not detected too. Physical and chemical determination for Formulation 14 showed its specification of pH 4.07 ± 0.01 , $0.17 \pm 0.06^\circ$ brix and $0.16 \pm 0.01\%$ titrated acidity. Both formulations were free from microbial growth with estimated colony less than 10 cfu/ml for total plate count and yeast and mould count. Shelf life test for Formulation 5 and Formulation 14 which conducted by physical and chemical determination, microbiology test and paired comparison sensory test showed that there was no significant difference ($p>0.05$) through out 8 weeks shelf life, except total polyphenol content in unit of milligrams GAE per gram of dry *Phyllanthus niruri* leaves in formulation 5 and formulation 14 significantly ($p<0.05$) reduced from 110 ± 1 to 109 ± 1 and 105 ± 1 to 103 ± 1 respectively. Formulation 14 was chosen as the best formulation for the final product. Consumer test showed that 39% interviewed consumer will buy the product, 55% might buy it and 6% would not buy the herbal product. Hence, *Phyllanthus niruri* herbal drink product with Sweta sweetener has a good market potential.*

KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--------------------|-------|
| HALAMAN | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PERAKUAN PEMERIKSA | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | vi |
| ABSTRACT | vii |
| KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xviii |
| SENARAI UNIT | xix |
| SENARAI SIMBOL | xx |

| | |
|---|----------|
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN | 6 |
| 2.1 <i>Phyllanthus L.</i> dan asal-usulnya | 6 |
| 2.1.1 Ciri morfologi | 7 |
| 2.1.2 Kegunaan | 8 |
| 2.1.3 <i>Phyllanthus niruri</i> Linn. (<i>Phyllanthus fraternus</i> Webster) | 9 |
| 2.1.3.1 Nama am | 11 |
| 2.1.3.2 Konstituen kimia dalam dukung anak | 13 |
| 2.1.3.2.1 Jumlah kompaun fenolik dalam dukung anak | 16 |
| 2.1.3.3 Khasiat dan penggunaan dalam perubatan tradisional | 18 |
| 2.1.3.4 Kesan Farmakologikal dan Kajian Semasa | 19 |
| 2.1.3.4.1 Kesan Antihepatitis B | 20 |
| 2.1.3.4.2 Kesan Antihepatoksisik | 21 |
| 2.1.3.4.3 Kesan Perencutan Human Immunodeficiency Virus (HIV) | 22 |
| 2.1.3.5 Penanaman dukung anak | 23 |
| 2.1.3.6 Penuaian hasil dukung anak dan pengendalian lepas tuai | 26 |
| 2.2 Pemanis | 27 |
| 2.2.1 Gula | 29 |
| 2.2.2 <i>Stevia rebaudiana</i> Bertoni | 30 |
| 2.2.2.1 Komponen dalam <i>Stevia rebaudiana</i> | 31 |
| 2.2.2.2 Laluan metabolism steviosida | 34 |
| 2.2.2.3 Kebaikan kesihatan steviosida | 34 |
| 2.2.2.4 Keselamatan <i>Stevia rebaudiana</i> Bertoni | 35 |
| 2.2.2.5 Penggunaan <i>Stevia rebaudiana</i> di sisi undang-undang | 36 |

Therapeutic



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | |
|--|---------------|
| 2.2.2.6 Pemanis Sweta | 38 |
| 2.2.2.6.1 Spesifikasi pemanis Sweta | 38 |
| 2.2.3 Kesan pelbagai pemanis terhadap paras glukosa dan insulin | 39 |
| 2.3 Pasaran minuman herba | 42 |
| BAB 3 BAHAN DAN KAEADAH | 44 |
| 3.1 Bahan mentah | 44 |
| 3.2 Kaedah pemprosesan | 46 |
| 3.2.1 Praperlakuan ke atas dukung anak (<i>Phyllanthus niruri</i>) | 46 |
| 3.2.1.1 Ujian kandungan lembapan bagi dukung anak segar dan kering | 46 |
| 3.2.1.2 Penyediaan ekstrak dukung anak (<i>Phyllanthus niruri</i>) | 47 |
| 3.2.2 Pengubahsuaian formulasi minuman herba | 48 |
| 3.2.3 Pemprosesan minuman dukung anak | 50 |
| 3.2.4 Penambahan perisa | 50 |
| 3.3 Reka bentuk eksperiman | 50 |
| 3.4 Pemilihan formulasi minuman herba | 52 |
| 3.4.1 Ujian pemeringkatan | 52 |
| 3.4.2 Ujian hedonik | 53 |
| 3.5 Analisis fizikokimia | 54 |
| 3.5.1 Penentuan pH | 54 |
| 3.5.2 Penentuan kandungan asid tertitrat | 55 |
| 3.5.3 Jumlah pepejal larut | 55 |
| 3.5.4 Kandungan jumlah polifenol dengan UV spektrofotometer | 55 |
| 3.5.4.1 Penyediaan larutan | 56 |
| 3.5.4.2 Graf piawai | 56 |
| 3.5.4.3 Jumlah polifenol | 57 |
| 3.6 Ujian mikrobiologi | 58 |
| 3.6.1 Penyediaan medium | 58 |
| 3.6.2 Penyediaan sampel | 59 |
| 3.6.3 Pemiringan | 59 |
| 3.6.4 Pengiraan koloni | 59 |
| 3.7 Analisis proksimat | 60 |
| 3.7.1 Penentuan kandungan lembapan | 60 |
| 3.7.2 Penentuan kandungan lemak | 61 |
| 3.7.3 Penentuan kandungan protein | 63 |
| 3.7.4 Penentuan kandungan abu | 64 |
| 3.7.5 Penentuan kandungan serabut kasar | 66 |
| 3.8 Kajian mutu simpanan | 67 |



| | | |
|-------------------------------------|--|-----------|
| 3.8.1 | Analisis fizikokimia | 67 |
| 3.8.2 | Ujian mikrobiologi | 68 |
| 3.8.3 | Penilaian deria | 68 |
| 3.9 | Analisis data | 68 |
| 3.10 | Kajian pasaran | 70 |
| BAB 4 HASIL DAN PERBINCANGAN | | 71 |
| 4.1 | Penilaian sensori pemeringkatan | 71 |
| 4.2 | Penilaian sensori hedonik bagi minuman herba dukung anak | 77 |
| 4.2.1 | Ujian hedonik sesi pertama | 77 |
| 4.2.1.1 | Warna | 78 |
| 4.2.1.2 | Kemanisan | 79 |
| 4.2.1.3 | Kemasaman | 80 |
| 4.2.1.4 | Kepahitan | 81 |
| 4.2.1.5 | Rasa herba | 82 |
| 4.2.1.6 | <i>After-taste</i> | 83 |
| 4.2.1.7 | Penerimaan keseluruhan | 84 |
| 4.2.2 | Ujian hedonik sesi kedua | 84 |
| 4.2.2.1 | Warna | 85 |
| 4.2.2.2 | Kemanisan | 86 |
| 4.2.2.3 | Kemasaman | 87 |
| 4.2.2.4 | Kepahitan | 88 |
| 4.2.2.5 | Rasa herba | 88 |
| 4.2.2.6 | <i>After-taste</i> | 89 |
| 4.2.2.7 | Penerimaan keseluruhan | 89 |
| 4.2.3 | Ujian hedonik sesi ketiga | 90 |
| 4.2.3.1 | Warna | 93 |
| 4.2.3.2 | Kemanisan | 93 |
| 4.2.3.3 | Kemasaman | 94 |
| 4.2.3.4 | Kepahitan | 95 |
| 4.2.3.5 | Rasa herba | 95 |
| 4.2.3.6 | <i>After-taste</i> | 96 |
| 4.2.3.7 | Penerimaan keseluruhan | 97 |
| 4.3 | Pemilihan formulasi terbaik selepas ujian hedonik | 98 |
| 4.4 | Analisis Fizikokimia | 99 |
| 4.4.1 | Nilai pH | 99 |
| 4.4.2 | Jumlah pepejal larut ($^{\circ}$ Brix) | 100 |
| 4.4.3 | Kandungan asid tertitrat | 100 |
| 4.4.4 | Jumlah polifenol | 101 |
| 4.5 | Analisis proksimat | 102 |
| 4.5.1 | Kandungan lembapan | 103 |
| 4.5.2 | Kandungan lemak | 104 |

| | | |
|--------------------------------------|--|-----|
| 4.5.3 | Kandungan protein | 105 |
| 4.5.4 | Kandungan serabut kasar | 105 |
| 4.5.5 | Kandungan abu | 106 |
| 4.5.6 | Kandungan karbohidrat | 106 |
| 4.6 | Kajian Mutu Simpanan | 107 |
| 4.6.1 | Analisis fizikokimia | 107 |
| 4.6.1.1 | Nilai pH | 108 |
| 4.6.1.2 | Jumlah pepejal larut (^o Brix) | 109 |
| 4.6.1.3 | Kandungan asid tertitrat | 109 |
| 4.6.1.4 | Jumlah polifenol | 110 |
| 4.6.2 | Analisis ujian mikrobiologi | 111 |
| 4.6.3 | Penilaian deria | 112 |
| 4.6.3.1 | Warna | 116 |
| 4.6.3.2 | Kemanisan | 116 |
| 4.6.3.3 | Kemasaman | 117 |
| 4.6.3.4 | Kepahitan | 118 |
| 4.6.3.5 | Rasa herba | 119 |
| 4.6.3.6 | <i>After-taste</i> | 119 |
| 4.6.3.7 | Penerimaan keseluruhan | 120 |
| 4.7 | Kos bahan mentah | 121 |
| 4.8 | Pemilihan formulasi terbaik sebagai produk akhir | 121 |
| 4.9 | Kajian Pemasaran | 122 |
| BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN | | 130 |
| 5.1 | Kesimpulan | 130 |
| 5.2 | Cadangan | 131 |
| RUJUKAN | | 133 |
| LAMPIRAN | | 144 |



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Halaman |
|------------|---|---------|
| 2.1 | Perbandingan sifat pertumbuhan antara spesies dukung anak. | 8 |
| 2.2 | Nama vernakular <i>Phyllanthus niruri</i> mengikut tempat dan bahasa. | 12 |
| 2.3 | Juzuk kimia yang ditentukan melalui insolasi daripada dukung anak dan bahagian tumbuhan yang terdapat juzuk tersebut. | 15 |
| 2.4 | Jumlah kompaun fenolik bagi dukung anak | 17 |
| 2.5 | Pembajaan dukung anak di beberapa jenis tanah | 24 |
| 2.6 | Hasil analisis proksimat bagi 100g gula pasir. | 29 |
| 2.7 | Spesifikasi fizikal, kimia dan biologi pemanis Sweta. | 39 |
| 3.1 | Senarai bahan-bahan mentah yang digunakan, sumber dan harga masing-masing dalam penghasilan minuman herba dukung anak. | 44 |
| 3.2 | Senarai bahan kimia dan bahan radas yang digunakan dalam analisis proksimat, fizikokimia dan ujian mikrobiologi. | 45 |
| 3.3 | Formulasi asas minuman herba pegaga. | 48 |
| 3.4 | Formulasi minuman herba dukung anak dengan penggunaan gula. | 49 |
| 3.5 | Formulasi minuman herba dukung anak dengan penggunaan pemanis Sweta. | 49 |
| 3.6 | Formulasi pembuatan minuman herba dukung anak. | 51 |
| 3.7 | Formulasi minuman herba <i>Phyllanthus niruri</i> berperisa. | 53 |
| 4.1 | Nilai min skor ($n=40$) hasil ujian pemeringkatan keenam-enam sesi bagi minuman herba dukung anak yang menggunakan gula dengan pengubahsuaian kandungan ekstrak dukung anak dan gula. | 53 |
| 4.2 | Formulasi-formulasi terpilih daripada ujian pemeringkatan ialah F2, F5, F9, F11, F14 dan F18. | 76 |
| 4.3 | Nilai min skor ($n=40$) hasil ujian hedonik sesi pertama. | 78 |
| 4.4 | Nilai min skor ($n=40$) hasil ujian hedonik sesi kedua. | 85 |
| 4.5 | Formulasi minuman herba dukung anak bagi ujian hedonik sesi ketiga. | 91 |
| 4.6 | Keputusan ujian hedonik sesi ketiga bagi atribut warna, kemanisan, kemasaman, kepahitan, rasa herba, <i>after-taste</i> dan penerimaan keseluruhan. | 92 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.7 | Nilai min (n=3) pH, jumlah pepejal larut dan kandungan asid tertitrat bagi Formulasi 5 dan Formulasi 14. | 99 |
| 4.8 | Min (n=3) keputusan ujian jumlah polifenol bagi Formulasi 5 dan Formulasi 14. | 102 |
| 4.9 | Nilai min (n=3) kandungan lembapan, lemak, protein, serabut kasar, abu dan karbohidrat bagi minuman herba dukung anak Formulasi 5 dan Formulasi 14. | 103 |
| 4.10 | Min (n=3) keputusan ujian jumlah kompaun fenolik bagi Formulasi 5 dan Formulasi 14 selepas 8 minggu simpanan pada suhu bilik ($27 \pm 3^\circ\text{C}$). | 112 |
| 4.11 | Nilai min skor (n=40) ujian perbandingan berganda minuman herba dukung anak dengan pemanis gula (Formulasi 5) bagi atribut warna, kemanisan, kemasaman, kepahitan, rasa herba dan penerimaan keseluruhan sepanjang 8 minggu kajian penyimpanan. | 115 |
| 4.12 | Nilai min skor (n=40) ujian perbandingan berganda minuman herba dukung anak dengan pemanis Sweta (Formulasi 14) bagi atribut warna, kemanisan, kemasaman, kepahitan, rasa herba dan penerimaan keseluruhan sepanjang 8 minggu kajian penyimpanan. | 116 |
| 4.18 | Latar belakang pengguna yang mengambil bahagian dalam soal selidik kajian pengguna secara rawak. | 125 |



SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Halaman |
|-----------|--|---------|
| 2.1 | Pertumbuhan dukung anak di kawasan tanah gambut. | 10 |
| 2.2 | Penunjuk bahagian dukung anak. | 11 |
| 2.3 | Siratan transduksi rasa mamalia. | 28 |
| 2.4 | Struktur kimia sukrosa ($C_{12}H_{22}O_{11}$). | 29 |
| 2.5 | Rupa tumbuhan <i>Stevia rebaudiana</i> . | 31 |
| 2.6 | Struktur steviosida | 32 |
| 2.7 | Struktur steviosida dan kompaun berhubungan. Dalam rebaudiosida D dan E R1 mengandungi $2\beta\text{-glc}-\beta\text{-glc}(2\rightarrow1)$. bagi rebaudiosida A, B, C, D, E dan F dalam kumpulan R2, sebahagian gula tambahan ditambah pada karbon ketiga bagi $\beta\text{-glc}$ pertama. Satu $\beta\text{-glc}$ pada rebaudiosida F digantikan oleh $\beta\text{-xyl}$. | 33 |
| 2.8 | Kesan glukosa, sukrosa, maltodekstrin dan stevia terhadap paras glukosa dalam darah dan rembesan insulin. | 41 |
| 3.1 | Alat ekstraksi Soxhlet yang digunakan untuk penentuan kandungan lemak minuman herba. | 62 |
| 3.2 | Alat penentuan protein yang digunakan untuk menentukan kandungan protein minuman dukung anak | 63 |
| 3.3 | (a) Bahan-bahan organan dibakar sehingga tidak ada wasap putih dibebaskan. (b) Hasil abu putih selepas dibakar dalam redup semalam. | 65 |
| 3.4 | Satu ceper porcelain menutup bikar diletakkan ais untuk tujuan kondensasi. | 66 |
| 3.5 | Borang kajian, sampel produk, pensil dan sagu hati diletakkan di atas dulang. | 70 |
| 4.1 | Perbandingan peratusan bagi tahap kesukaan pengguna terhadap minuman herba | 126 |
| 4.2 | Perbandingan peratusan responden yang pernah dan tidak pernah mendengar atau merasai minuman herba dukung anak. | 127 |
| 4.3 | Perbandingan peratusan bagi tahap kesukaan pengguna ke atas | 128 |



| | | |
|-----|---|-----|
| | minuman kurang gula atau tanpa gula. | |
| 4.4 | Perbandingan peratusan bagi tahap kesukaan pengguna ke atas minuman herba dukung anak dengan pemanis Sweta. | 129 |
| 4.5 | Perbandingan peratusan respon pengguna jika produk minuman herba dukung anak dengan pemanis Sweta dipasarkan. | 130 |



SENARAI SINGKATAN

| | |
|------------------|---|
| AIDS | <i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i> |
| AMP | <i>adenosine monophosphate</i> |
| ANOVA | <i>Analysis of Variance</i> |
| AOAC | <i>Association of Official Analytical Chemists</i> |
| CCl ₄ | karbon tetraklorida |
| DNA | <i>Deoxyribonucleic Acid</i> |
| EC | <i>effective concentration</i> |
| FDA | <i>Food and Drug Administration</i> |
| GAE | <i>Gallic Acid Equavalent</i> |
| HBV | <i>Hepatitis B Virus</i> |
| HIV | <i>human immunodeficiency virus</i> |
| HPLC | <i>High Performance Liquid Chromatography</i> |
| ICMSF | <i>International Commission on Microbiological Specifications for Foods</i> |
| IUPAC | <i>International Union of Pure and Applied Chemistry</i> |
| MARDI | <i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i> |
| PCA | <i>Plate Count Agar</i> |
| PDA | <i>Potato Dextrose Agar</i> |
| PKU | <i>fenilketonuria</i> |
| RDA | <i>Recommended Dietary Allowance</i> |
| RNA | <i>Ribonucleic Acid</i> |
| Sdn. Bhd. | <i>Sendirian Berhad</i> |
| SPSS | <i>Statistical Package for Social Science</i> |
| TLC | <i>Thin Layer Chromatography</i> |
| USDA | <i>United States Department of Agriculture</i> |
| WHO | <i>World Health Organization</i> |



SENARAI UNIT

| | |
|-----|------------------------------|
| ° | darjah |
| µ | mikro |
| % | peratus |
| C | Celcius |
| cfu | <i>colony forming units</i> |
| cm | sentimeter |
| g | gram |
| kg | kilogram |
| L | liter |
| m³ | meter padu |
| mg | miligram |
| ml | mililiter |
| mm | milimeter |
| n | nano |
| ppm | <i>parts per million</i> |
| RM | Ringgit Malaysia |
| rpm | <i>resolution per minute</i> |



SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

| | |
|---|-------------------|
| < | kurang daripada |
| > | lebih daripada |
| & | dan |
| ± | lebih atau kurang |
| α | alfa |
| β | beta |

BAB 1

PENDAHULUAN

Minuman botani telah lama wujud dan merupakan salah satu minuman popular dalam masyarakat kita. Minuman botani selalunya diminum untuk kebaikannya terhadap kesihatan dan juga untuk rasanya. Sejajar dengan peningkatan pengetahuan dan kesedaran kesihatan, minuman botani mendapat sambutan yang semakin menggalakkan di seluruh dunia, terutama minuman botani gabungan teh dengan herba lain yang sedia untuk diminum (Hara, 2001).

Kebanyakan minuman botani yang wujud pada hari ini adalah berasal daripada aplikasinya dalam perubatan tradisional. Tumbuhan yang digunakan dalam perubatan tradisional telah menunjukkan kemungkinan mempunyai aktiviti biologi dan perubatan yang lebih besar daripada tumbuhan yang dipilih secara rambang (Farnsworth & Kaas, 1981; Trotter *et al.*, 1983). Oleh itu, sesuatu produk minuman botani mungkin merupakan minuman biasa terhadap golongan pengguna tertentu tetapi mungkin merupakan sesuatu minuman yang baru terhadap golongan pengguna yang lain.

Menurut Peraturan-peraturan Makanan Malaysia 1985, peraturan 356.1 menyatakan bahawa campuran minuman botani hendaklah suatu penyediaan yang dibuat daripada bahagian boleh dimakan atau ekstrak tumbuhan atau herba, dengan atau tanpa bahan pemanis dan makanan lain, dan termasuklah campuran minuman herba. Selain itu, peraturan 356.3 pula sebagai tambahan, menyatakan apabila

campuran minuman botani dalam bentuk sedia diminum, ia hendaklah dianggap sebagai minuman botani, termasuklah teh herba yang diperoleh daripada tumbuhan *Mesona chinesis*, teh bunga dari tumbuhan *Chrysanthemum morifolium* dan minuman herba.

Minuman botani adalah semakin popular di seluruh dunia. Antaranya terdapat beberapa minuman botani yang sangat popular di Malaysia, iaitu tongkat ali (*Eurycoma longifolia*), kacip fatimah (*Labisia pumila*), mengkudu (*Morinda citrifolia*), misai kucing (*Orthosiphon stamineus*), pegaga (*Centella asiatica*), bunga raya (*Hibiscus rosa-sinensis*), lidah buaya (*Aloe vera*) dan halia (*Zingiber officinale*). Banyak minuman botani luar negara juga boleh didapati di pasaran Malaysia, misalnya minuman botani yang dibuat daripada lidah buaya dari negara Jepun.

Secara amnya, minuman botani di pasaran kini boleh didapati dalam dua jenis, iaitu jenis pekat yang perlu dibancuh lagi dengan campuran air, dan jenis yang sedia untuk diminum. Perhatian perlu diberikan terhadap kepekatan minuman botani kerana terdapat peraturan yang mengawal darjah kepekatan penggunaan beberapa herba dalam minuman dan makanan, contohnya tongkat ali (*Eurycoma longifolia*) dan kacip fatimah (*Labisia pumila*). Sekiranya kepekatan melebihi tahap yang ditetapkan, produk tersebut perlulah dikategorikan dalam produk farmaseutikal. Walau bagaimanapun, tiada lagi peraturan di Malaysia yang jelas menyenaraikan semua jenis tumbuhan yang dikira sebagai herba dan kuantiti yang dibenarkan dalam makanan dan minuman.

Phyllanthus niruri atau lebih dikenali sebagai dukung anak di Malaysia merupakan herba asas pembangunan minuman herba dalam kajian ini. Dukung anak merupakan salah satu herba daripada sepuluh herba sasaran yang diberi tumpuan oleh kerajaan Malaysia untuk kajian dan pembangunan produk. Selain Malaysia, banyak produk komersial farmaseutikal yang berdasarkan herba ini telah dibangunkan di negara-negara lain terutamanya di negara China, India dan Amerika Syarikat.

Disebabkan dukung anak merupakan sejenis rumput yang biasa tumbuh di taman atau secara liar di kawasan terbiar (Indu & Ng, 2002; Kapoor, 1990; Muhamad & Mustaffa, 1994; Ahuja, 1965, Dastur, 1962), maka penanaman tumbuhan ini secara besar-basaran di Malaysia setakat ini hanya terdapat di MARDI Kelantan dan dua buah ladang di Tampin dan Tanjung Sepak yang dimiliki oleh sebuah pengilang perubatan swasta (Nova Laboratories Sdn. Bhd.). Dukung anak mempunyai pelbagai fungsi, termasuklah sebagai tumbuhan hiasan, ubat tradisional dan sebagainya.

Dukung anak hanya bermula menarik perhatian seluruh dunia sejak akhir 1980-an apabila aktiviti anti-virul terhadap Hepatitis B terbukti melalui kajian (Zhu, 2005; Ott, Thygarajan & Gupta, 1997; Thygarajan, 1987; Rajeshkumar & Kuttan, 2000; Xin-Hua *et al.*, 2001). Dr. Baruch S. Blumberg, pemenang Anugerah Nobel tahun 1976 dengan penemuan antigen HBV, mendapati bahawa dukung anak berkesan untuk mengubati pembawa hepatitis-B (Thygarajan *et al.*, 1988). Seterusnya, kebanyakan kajian yang dijalankan terhadap dukung anak melibatkan fungsi perubatan dan kesihatan. Dukung anak juga terbukti mengandungi bahan fitokimia berfungsi sebagai pelindung sel daripada tekanan dan pencemaran persekitaran yang serupa dengan bahan fitokimia dalam teh hijau (Jaganath & Ng, 2002). Penyelidikan terhadap tumbuhan ini masih lagi setakat penggunaan dalam perubatan, oleh itu kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap pembangunan minuman herba yang lebih kerap diminum oleh masyarakat berbanding ubat dan seterusnya memperkenalkan herba ini.

Gula merupakan bahan yang paling biasa digunakan sebagai pemanis dalam makanan dan minuman harian kita. Satu tin minuman ringan bergas mengandungi lebih kurang tujuh sudu besar gula. Kuantiti gula ini adalah kurang baik terhadap kesihatan. Pengambilan gula yang keterlaluan boleh membawa masalah kesihatan yang serius seperti diabetis melitus dan obesiti yang merupakan penyakit biasa terutamanya di

negara-negara maju dan negara-negara sedang membangun. Disebabkan penggunaan gula dalam minuman akan membawa kesan negatif sebegini, pemanis selain gula digunakan dalam minuman herba kajian ini untuk menghasilkan produk yang lebih menekankan konsep kesihatan.

Bagi tujuan menggantikan gula, kajian ini menggunakan pemanis Sweta, satu pemanis semulajadi yang merupakan ekstrak daun tumbuhan herba *Stevia rebaudiana*. Tumbuhan ini berasal dari Brazil dan Paraguay, tetapi telah berjaya ditanam di Japan, Korea, Taiwan, China dan tempat-tempat lain di dunia ini. Tumbuhan ini merupakan sumber stevioside yang mempunyai kemanisan 100-300 kali lebih daripada sukrosa, tetapi tidak menyumbangkan kalori (Bratman, 1999). Tumbuhan ini tidak terlibat secara langsung dan seluruh, tetapi setakat menggunakan ekstraknya sebagai pemanis yang menggantikan penggunaan gula dalam minuman ini. Dengan ini, minuman ini tidak akan mendatangkan masalah pengambilan gula terlampau dan juga boleh diminum oleh golongan yang menghidap diabetes melitus. *Stevia rebaudiana* juga merupakan sejenis herba yang sangat baik dengan pelbagai penggunaan dalam perubatan dan industri. Tumbuhan ini digunakan secara meluas oleh banyak pengusaha yang berpengetahuan tentangnya sebagai pemanis dalam minuman teh dan produk-produk lain (Bratman, 1999). Antaranya, Jepun merupakan pengguna yang paling besar dan penggunaan herba ini di Korea Selatan turut meningkat dengan pantas (Kinghorn *et al.*, 2001). Banyak kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa stevia adalah selamat untuk dimakan. Kajian ini menggunakan pemanis Sweta yang merupakan glikosida hasil ekstrak daripada daun herba *Stevia rebaudiana* yang disumbang oleh sebuah kilang swasta, Stevian Biotechnology Corporation Sdn Bhd. Pemanis Sweta ini adalah dalam bentuk serbuk putih yang halus. Disebabkan kuantiti pemanis Sweta dalam setiap unit hidangan adalah terlalu rendah, maka kesan kebaikan terhadap kesihatan susah dikenal

pasti atau dicapai. Oleh itu, pemanis Sweta lebih sesuai dianggap sebagai pemanis mengganti gula biasa yang lebih sihat dan semulajadi.

Memandangkan kekurangan kajian tempatan yang dijalankan untuk membangunkan minuman botani yang diproses daripada *Phyllanthus niruri*, maka kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk membangunkan minuman herba daripada dukung anak (*Phyllanthus niruri*) dengan penggunaan pemanis gula atau Sweta. Berdasarkan pengenalan tersebut, objektif kajian ini ialah:

1. Memilih formulasi terbaik minuman herba dukung anak dengan pemanis gula dan sweta berdasarkan ujian penilaian sensori.
2. Menjalankan analisis proksimat dan analisis fizikokimia bagi minuman herba dukung anak.
3. Mengkaji mutu simpanan bagi minuman herba dukung anak.
4. Menilai tahap penerimaan pengguna terhadap produk minuman herba akhir yang dihasilkan dari pelbagai aspek.

RUJUKAN

- Adedapo, A. A., Abatan, M. O., Akinloye, A. K., Idowu, S. O. & Olorunsogo, O. O. 2003. Morphometric and hispathological studies on the effects of some chromatographic fractions of *Phyllanthus amarus* and *Euphorbia hirta* on the male reproductive organs of rats. *Journal of Veterinary Science*. 4(2): 181-185.
- Ahuja, B. S. 1965. *Medicinal Plants of Saharanpur*. Dharmrai Vidyalankar.
- Amerine, M. A. & Rosseler, E. B. 1976. *Wines: Their Sensory Evaluation*. W. H. Freeman and Co. San Francisco.
